

## MQR penanda aras kualiti pengajian tinggi

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Pelaksanaan Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) akan menjadi penanda aras dalam usaha meningkatkan kualiti pengajian tinggi negara sekali gus menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan tinggi serantau.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat berkata, portal rujukan itu memudahkan golongan muda tempatan dan luar negara yang ingin melanjutkan pengajian ke negara ini meneliti maklumat penting mengenai IPT dan status akreditasi program pengajian berkenaan.

"Kita tidak mahu IPT di negara ini menjadi kilang pengeluaran skrol yang akhirnya menjadikan ijazah yang dianugerahkan hanya menyumbang kepada inflasi pengajian tinggi.

"Justeru, peranan MQR disifatkan sebagai penanda aras bukan sahaja untuk memenuhi taraf kualiti daripada segi program pengajian dan kelayakan di peringkat tempatan malah antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan pameran pengajian tinggi Persatuan Universiti dan Kolej Swasta (MAPCU)-MQA 2008 dan pelancaran MQR di Pusat Pameran Mid Valley di sini, hari ini.

Sebanyak 65 peserta termasuk tujuh buah IPTA tempatan mengadakan pameran mengenai peluang melanjutkan pengajian di IPT masing-masing selama dua hari bermula hari ini.

Menurut Tee Keat, MQR turut berfungsi sebagai panduan pemindahan kredit antara program pengajian dan kelayakan yang telah diiktiraf.

Jelasnya, berbeza dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang berperanan mengiktiraf IPTS, bidang kuasa MQR meliputi pengkreditan program pengajian dan kelayakan kesemua IPT tempatan termasuk IPTA.

Sehingga kini, kata beliau, MQR mempunyai sebanyak 1,622 senarai daftar kelayakan program IPTS dan 222 lagi daripada IPTA manakala senarai lengkap dijangka siap Mac ini.

"Status akreditasi itu akan menjadi asas kepada pihak lain untuk mengiktiraf program dan kelayakan tersebut bagi pelbagai tujuan.

"Contohnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) boleh menggunakan status akreditasi dalam MQR untuk mengiktiraf kelayakan itu bagi memilih calon berkhidmat dengan kerajaan," kata Tee Keat.

Mulai hari ini, MQR boleh dirujuk di laman web MQA, [mqa.gov.my/mqr/index.htm](http://mqa.gov.my/mqr/index.htm).